

12/05/1997

Frim gagal dapat laluan disiasat

Shamshul Azree Samshir

PETALING JAYA, Ahad - Kerajaan akan menyiasat dakwaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) berhubung kegagalannya mendapat laluan penuh bagi mengendalikan kerja lanskap di beberapa kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau tidak dimaklumkan mengenai masalah itu dan berharap mendapat penjelasan KLIA Berhad secepat mungkin.

"Saya akan melawat KLIA pada 19 Mei ini dan berharap mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kegagalan Frim memperolehi laluan penuh sehingga kerja lanskap tergendala," katanya selepas merasmikan Simposium Taoism hari ini.

Simposium itu dianjurkan Biro Agama MCA dan Persekutuan Gabungan Taoist Malaysia.

Dr Ling mengulas kenyataan Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali yang mendakwa institut itu tidak diberikan laluan penuh ke tapak projek KLIA bagi menyiapkan kerja lanskap.

Dr Abdul Razak berkata, Frim dijanjikan mendapat laluan penuh ke projek itu pada Januari lalu.

Bagaimanapun, ia ditunda beberapa kali kerana kerja pembinaan fizikal gagal disiapkan mengikut jadual.

Setakat ini, Frim hanya mempunyai 50 peratus laluan ke bangunan terminal utama dan tidak mendapat laluan ke bangunan satelit utama untuk mengendalikan kerja lanskap.

Dr Ling berkata, lazimnya projek pembangunan memberikan keutamaan kepada aspek pembinaan fizikal sebelum membenarkan kerja lanskap dikendalikan.

"Pada pandangan saya, kerja pembinaan fizikal perlu dibereskan dahulu sebelum kerja lanskap kerana kerja menanam pokok boleh terjejas jika pembinaan bangunan belum disiapkan.

"Itu adalah pendekatan yang diambil mana-mana pemaaju bagi mengelak lebih banyak masalah," katanya.

Masalah projek tertunda sering dihadapi di KLIA.

Malah sebelum ini pembinaan tiga kemudahan utamanya terjejas berikutan kegagalan beberapa kontraktor utama menyiapkan kerja pemasangan paip gasolin ke kawasan terbabit mengikut jadual.

Pembinaan Bangunan Terminal Utama, Bangunan Satelit dan Kompleks Kargo terjejas kerana kontraktor gagal mematuhi jadual kerja sejak sebulan lalu.

Sementara itu, ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai layanan media terhadap parti pembangkang DAP, beliau berkata media melaporkan kes Ketua Pemuda DAP, Lim Guan Eng seolah-olah mahkamah membuat keputusan salah.

Katanya, beliau kesal kerana akhbar banyak mensensasikan berita, malah seakan-akan menyokong pihak yang ternyata bersalah.

(END)